

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD
YUNUS [HULU LANGAT]**

TARIKH : 14 DISEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS [HULU LANGAT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rancangan jangka panjang Kerajaan untuk mengatasi masalah kekurangan Sekolah Rendah Agama (SRA) di W.P. Kuala Lumpur kerana ada murid yang terpaksa ditolak pendaftarannya untuk kemasukan ke darjah satu.

JAWAPAN: (YB. SENATOR DATUK DR. HAJI ZULKIFLI BIN MOHAMAD AL-BAKRI, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

(i) Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) sebagai pihak yang bertanggungjawab mentadbir dan mengurus hal ehwal pendidikan Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan akan mengadakan kerjasama dengan agensi-agensi berkaitan di Wilayah Persekutuan untuk membantu dari segi penyediaan premis dan sebagainya bagi memastikan anak-anak Islam tidak terabai daripada mendapatkan pendidikan Islam asas.

(ii) Selain itu, JAWI turut mengemukakan permohonan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) bagi pembinaan baru Sekolah Rendah Agama (SRA) untuk menampung kekurangan sedia ada.

Sekian, terima kasih.